

# buletin Selayangku Sayang

DITERBITKAN OLEH  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG  
NASKAH PERCUMA



## PROGRAM JELAJAH SELANGOR MEI - OGOS 2022 02 PENYAYANG PERINGKAT DAERAH GOMBAK



03

Program Jelajah Selangor  
Penyayang Peringat  
Daerah Gombak



08

Majlis Mersa Aidilfitri  
Warga Kerja MPS  
2022



14

Majlis Rumah Terbuka  
Negeri Selangor  
Peringkat Daerah  
Gombak

# DARI MEJA YDP

BIL 2/2022 Mei - Ogos

## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

YBRs. Tuan Mohd Yazid bin Sairi  
ydp@mps.gov.my

YBRs. Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman  
tydp@mps.gov.my

### KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin bin Masoad  
mzin.masoad@mps.gov.my

### PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Ahmad Fauzi bin Ishak  
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

### PENGARANG

Cik Nurul Awanis binti Muridan  
nurulawanis@mps.gov.my  
Pn. Norhatikah Nabila binti Masri  
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my  
Pn. Norhasliza binti Hassan  
norhasliza.hassan@mps.gov.my

### PEREKA LETAK

En. Mohd Afzairis bin Naseri  
mafzairis.naseri@mps.gov.my

### JURUFOTO

Pn. Anissapinah binti Mohd Dan  
anissapinah.mohddan@mps.gov.my  
En. Mohamad Khairun bin Roslan  
mkhairun.roslan@mps.gov.my

### DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat  
Majlis Perbandaran Selayang

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

### Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang  
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 No. Faks: 03 6138 2728

E-mel: aduanmps@mps.gov.my  
Talian Bebas Tol: 1800-222-677

ssalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya memberi kesempatan kepada sidang redaksi Buletin Sayangku Selayang Bil.2/2022 merealisasikan penerbitan ini.

Pertama sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak merangkap Ahli Majlis MPS yang telah menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Transformasi Komuniti dan Dakwah Islam semasa Majlis Konvokesyen Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang ke-37.

Beliau telah menerima skrol ijazah kehormat itu daripada DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah atas sumbangan jasa dan bakti beliau dalam pembangunan komuniti. Semoga YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh dipanjangkan usia, diberi kesihatan yang baik dan dikurniakan kekuatan untuk terus menjalankan amanah kepada masyarakat.

Pada kesempatan ini saya juga mengucapkan Selamat Menyambut Awal Muharam 1444 Hijrah kepada semua umat Islam. Tahun Baharu Hijrah dianggap sebagai waktu untuk bermuhasabah diri, bersyukur dan memperbaharui azam.

Semoga kita berusaha untuk mencapai kejayaan yang lebih baik dari tahun yang sebelumnya. Semoga tahun ini membawa keberkatan, kebahagiaan, dan kejayaan yang melimpah.

"Sesungguhnya Allah SWT tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."  
(Surah ar-R'ad 13: 11)

(YBRS. TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI)

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang



## PROGRAM JELAJAH SELANGOR PENYAYANG PERINGKAT DAERAH GOMBAK TARIK 8,000 PENGUNJUNG

**PROGRAM** Jelajah Selangor Penyayang peringkat Daerah Gombak telah berlangsung pada 31 Julai 2022 bertempat di Padang Awam Batu Caves dengan kehadiran kira-kira 8,000 orang pengunjung.

Dengan bertemakan 'Pendidikan Holistik, Generasi Muda Dinamik', majlis pelancaran program ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Siri jelajah kali kelima ini disusun semula daripada Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) supaya seluruh penduduk di sekitar Daerah Gombak

memperoleh manfaat yang disediakan oleh kerajaan Negeri Selangor.

Pelbagai aktiviti telah diadakan untuk pengunjung, antaranya program bual bicara bersama PUSPANITA dan PEKAWANIS, pertandingan gusti lengan, futsal, sukan rakyat, permainan dalam talian *Mobile Legends*, pertandingan *Choral Speaking* untuk pelajar sekolah selain pameran dan jualan makanan.



## INOVASI

### 4 PANEL AUDIT EKSA SECARA DO-IT-YOURSELF (DIY)

MPS telah menerima Lawatan Panel Penilai EKSA daripada Pejabat SUK Negeri Selangor bagi sesi pengauditan Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) secara *Do-It-Yourself* (DIY) di MPS yang telah diadakan pada 22 hingga 24 Jun 2022.

Seramai 4 orang panel penilai yang diketuai oleh Encik Mohd Izzat bin Latif, Setiausaha Sulit kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah hadir dan menjalankan pengauditan untuk sesi kali ini.

Sesi pengauditan ini telah mendapat kerjasama yang baik daripada semua kakitangan MPS dan telah menghasilkan impak yang positif dalam menambahbaik proses kerja seharian di MPS.



### LAWATAN PASUKAN PENILAI DARIPADA SUK SELANGOR BAGI LAWATAN PENILAIAN AWAL ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) TAHUN 2022

MPS telah menerima lawatan pasukan penilai daripada SUK Selangor bagi Lawatan Penilaian awal Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Tahun 2022 pada 11 Ogos 2022. Pasukan panel penilai telah diketuai oleh Puan Ayu Azriati binti Chik Ros, Penolong Setiausaha Seksyen Inspektorat dan Pengiktirafan Bahagian Korporat SUK Selangor.

Sebanyak 6 Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) menyertai pertandingan ini. MPS diwakili oleh 3 kumpulan iaitu Kumpulan Speechout, Kumpulan Permata 2.0 dan Kumpulan Delonix. Turut bertanding adalah Kumpulan Dough Divider dan Kumpulan BPMeru daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia serta Kumpulan Rehab Xcell daripada Hospital Sungai Buloh.

Sesi lawatan penilaian awal ini adalah bagi memastikan projek inovasi yang dihasilkan mengikut kriteria yang telah ditetapkan sebelum ke peringkat akhir Anugerah Inovasi Negeri Selangor yang akan diadakan pada bulan Oktober 2022.



### BENGGKEL SEMAKAN SEMULA PELAN PENGURUSAN RISIKO DAN BENGGKEL PENGEMASKINIAN DOKUMENTASI

**BENGGKEL** Semakan Semula Pelan Pengurusan Risiko dan Bengkel Pengemaskinian Dokumentasi MS ISO 9001:2015 MPS 2022 telah diadakan pada 6 hingga 8 Julai 2022 bertempat di Espira Kinrara Resort, Puchong melibatkan Ketua-ketua Skop dan Ahli-ahli dokumentasi ISO.

Taklimat berkenaan dokumentasi ISO telah disampaikan oleh konsultan yang dilantik iaitu Tuan Mohd Kamal Fitri bin Mohd Ghazali dari Consultant Intellect Momentum Training & Consulting Sdn. Bhd.

Bengkel selama 3 hari ini membincangkan tentang pengurusan risiko dan peluang sedia ada serta penambahbaikan serta melihat kembali senarai dokumentasi setiap jabatan bagi memastikan prosedur ISO di MPS kekal relevan.



## MPS LAKSANA PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2022

**BAGI** memastikan pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) dapat dilaksanakan di peringkat MPS, satu bengkel Penyediaan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) telah diadakan di Hotel Mercure, Selayang pada 31 Mei 2022 hingga 1 Jun 2022 melibatkan timbalan pengarah dan pegawai-pegawai MPS.

Taklimat telah disampaikan oleh Tuan Azuan bin Adzhar, Ketua Unit Pemeriksaan dan Perundingan bersama Tuan Mohammad Fitri bin Ismail, Penguasa Unit Pemeriksaan dan Perundingan SPRM Negeri Selangor.

Menerusi bengkel ini, penceramah telah menerangkan tentang garis panduan dan tatacara penyediaan OACP yang bersistematik. Turut diadakan sesi pembentangan deraf kerangka OACP MPS oleh setiap kumpulan kepada YDP MPS.



## PROGRAM PEMATUHAN SYARAT DAN PENGUATKUASAAN KILANG TANPA KEBENARAN (KTK) BERSAMA PENGUSAHA DAN PEMILIK TANAH

**MPS** telah mengadakan Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) bersama pengusaha dan pemilik tanah pada 27 Jun 2022 bertempat di Dewan Siantan, Jalan Sungai Tua.

Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS telah berkesempatan hadir ke program ini bersama beberapa orang Ahli Majlis MPS dan pengarah-pengarah jabatan teknikal MPS.

Taklimat telah disampaikan oleh Puan TPr. Noriza binti Bahari, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPS dan Encik Mohd Shahril bin Yaakob, Penolong Pegawai Daerah Gombak. Program ini merupakan siri terakhir daripada keseluruhan 4 siri yang telah diadakan sebelum ini.



## MPS ANJUR BENGKEL HALATUJU PENGURUSAN SISA PEPEJAL

**BENGKEL** Halatuju Pengurusan Sisa Pepejal di kawasan MPS anjuran Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan, MPS telah diadakan pada 24 hingga 26 Ogos 2022 di The Light Hotel, Pulau Pinang.

Bengkel ini membincangkan isu-isu berkaitan longgokan sisa sampah termasuk sisa penjaja, sisa industri dan sisa binaan selain memperhalusi masalah kutipan sisa pepejal di kawasan tidak terancang serta cadangan penambahbaikan pengurusan sisa secara keseluruhan di kawasan MPS.



## KUNJUNGAN HORMAT MPS KE DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

**TUAN** Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS bersama Ahli Majlis dan barisan pengurusan MPS telah mengadakan kunjungan hormat ke Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK). Sesi kunjung hormat ini merupakan salah satu pengisian Mesyuarat Majlis MPS Bil.6/2022 dan Mesyuarat Kajian Semula Sasaran Kerja Tahunan 2022 MPS yang diadakan di Kota Kinabalu, Sabah.

Pada kunjungan tersebut, Tuan YDP telah disambut oleh YBhg. Datuk Noorliza binti Awang Alip, Datuk Bandar DBKK bersama barisan pengarah DBKK. Kunjungan hormat ini diadakan bertujuan untuk merapatkan hubungan di antara MPS dan DBKK selain bertukar pandangan tentang amalan terbaik antara kedua-dua PBT.



## MPS TERIMA LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG

MPS telah menerima lawatan dari Majlis Perbandaran Pengerang bagi melihat pengurusan dan kemudahan yang disediakan di Pusat Tahanan Haiwan MPS.

Lawatan diketuai oleh Encik Md. Rohaizad bin Sujani, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kesihatan Awam dan Perlesenan MP Pengerang dan disambut oleh Encik Azhar bin Che Salleh selaku Ketua Bahagian Kesihatan Awam MPS. Pada lawatan tersebut, sesi taklimat mengenai Pengurusan Unit Kawalan Haiwan MPS turut diadakan.

Diharapkan kerjasama seperti ini dapat meningkatkan jaringan perkongsian maklumat bagi kelestarian kesejahteraan bandar secara mampan.



## MPS KONGSI PANDANGAN BERSAMA PIHAK DBKL

MPS berbesar hati menerima lawatan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang diketuai oleh Puan Zainab binti Hamzah, Timbalan Bendahari Kanan bersama kakitangan Jabatan Kewangan DBKL pada 22 Julai 2022 bertempat di Bilik Anggerik, Menara MPS.

Tujuan lawatan ini adalah sebagai satu kunjungan hormat pihak DBKL ke MPS di samping bertukar pandangan tentang penggunaan bil digital dan aplikasi MyMPS. Turut diadakan sesi perkongsian tentang tindakan kaveat terhadap pemilik cukai yang gagal menjelaskan tunggakan cukai di MPS dan serahan waran tahanan, waran pacak, sitaan dan lelongan awam.

Turut hadir bersama dalam sesi lawatan ini ialah Encik Hasmawi bin Mat Junit, Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat, wakil dari Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Perundangan dan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS.



## LAWATAN KE KOLEJ KOMUNITI SELAYANG (KKSJ)

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) telah mengadakan lawatan ke kampus Kolej Komuniti Selayang (KKSJ) pada 30 Ogos 2022 melibatkan 24 orang Ahli Majlis MPS bersama Tuan YDP, Tuan Timbalan YDP dan pengarah jabatan MPS.

Lawatan ini bertujuan membuka ruang kepada Ahli Majlis untuk melihat dengan lebih dalam lagi program dan perkhidmatan yang disediakan oleh KKSJ serta memperluaskan potensi penganjuran aktiviti yang dapat memperkasakan komuniti setempat. MPS berpeluang melawat tarikan utama KKSJ iaitu Restoran KM 16, Dapur Kulineri & Pastri, Asha Nur Suite (Bilik Simulasi Kaunter Hadapan), Studio Fesyen, Bengkel Pembuatan Model dan banyak lagi.



## YDP MPS DILANTIK SEBAGAI JAWATANKUASA PENASIHAT KKSJ

MPS menerima kunjungan hormat daripada Kolej Komuniti Selayang pada 5 Ogos 2022 bertempat di Bilik Anggerik, Menara MPS. Pada kunjungan ini Tuan YDP MPS telah menerima surat pelantikan sebagai Jawatankuasa Penasihat Kolej Komuniti Selayang daripada Tuan Haji Mohd Ruzi bin Hamzah, Pengarah Kolej Komuniti Selayang. Di samping itu, turut diadakan sesi pembentangan berkenaan tabdir urus dan aktiviti Kolej Komuniti Selayang.

Turut hadir bersama pada sesi kunjungan hormat ini adalah Tuan YDP MPS, Tuan TYDP MPS bersama wakil Jabatan Perancang Bandar MPS, Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS, Jabatan Landskap MPS dan Jabatan Korporat MPS.



## MPS DAN MPAJ KUKUH KERJASAMA ANTARA PBT

MAJLIS Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah mengadakan lawatan ke MPS pada 11 Ogos 2022 bagi melihat pengurusan dan kemudahan yang disediakan di Pusat Tahanan Haiwan MPS.

Lawatan diketuai oleh Encik Ghazali bin Abd Wahab, Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar MPAJ dan disambut oleh Tuan Haji Khairil Anwar bin Che May selaku Timbalan Pengarah JPSPK. Turut hadir ialah wakil dari Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Ukur Bahan MPAJ.

Pada lawatan tersebut, Encik Azhar bin Che Salleh, Ketua Bahagian Kesihatan Awam JPSPK MPS telah memberi taklimat mengenai Pengurusan Unit Kawalan Haiwan MPS.

Dengan hubungan kerjasama antara PBT ini dapat meningkatkan jaringan perkongsian maklumat bagi kelestarian kesejahteraan bandar secara mampan.





<h1>JELASKAN CUKAI TAKSIRAN SEGERA</h1>	<h1>ELAKKAN HARTA ANDA DISITA</h1>
<p>PENGGAL 1 AKHIR FEBRUARI</p>	<p>PENGGAL 2 AKHIR OGOS</p>

BAYAR BIL CUKAI TAKSIRAN DENGAN LEBIH MUDAH MELALUI APLIKASI



layari: [mymps.mps.gov.my](http://mymps.mps.gov.my)

03-6126 5800



## MAJLIS MESRA

# Aidilfitri

## WARGA KERJA MPS 2022

**MAJLIS** Ramah Mesra Aidilfitri 2022 peringkat MPS telah diadakan pada 27 Mei 2022 bertempat di Pekarangan Menara Majlis Perbandaran Selangang. Majlis disambut dengan begitu meriah yang dihadiri oleh kakitangan MPS bersama ahli keluarga masing-masing.

Tuan YDP, Tuan TYDP bersama para pengarah Jabatan telah berkesempatan menyantuni semua para tetamu yang hadir, antaranya adalah Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan SUK (Pengurusan)

Selangor; YAD Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak; YB Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selangang; YB Tuan Chua Wei Kiat, Ahli Dewan Negeri Rawang; YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan, Ahli Dewan Negeri Taman Templer; YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping, Ahli Dewan Negeri Bukit Lanjan; Penyelaras-Penyelaras DUN; Pegawai-Pegawai Daerah; YDP PBT; Mantan YDP dan ketua-ketua jabatan di peringkat Negeri & Daerah Gombak.

Sebanyak 13 gerai menyajikan pelbagai juadah istimewa yang dikendalikan oleh kakitangan-kakitangan dari setiap jabatan di MPS. Pada majlis ini juga, Tuan YDP turut menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir serta mengunjungi gerai-gerai dan menyampaikan hadiah bagi kategori gerai tercantik, OOTD Raya kategori keluarga, King dan Queen. Majlis turut dihiburkan dengan persembahan nyanyian akustik oleh Kumpulan D'Xoras dan aktiviti kanak-kanak bersama badut-badut belon.







## PROGRAM DALAMAN MPS

### HARI MESRA ANULAE MPS TAWAR PELBAGAI PRODUK JUALAN

**HARI** Mesra ANULAE MPS telah diadakan pada 26 Julai 2022 bertempat di Lobi Menara MPS. Program ini merupakan salah satu daripada program tahunan ANULAE Cawangan MPS di mana kakitangan berpeluang untuk membuka gerai jualan di Lobi Menara MPS. Sebanyak 20 buah gerai jualan telah dibuka dengan pelbagai produk jualan.

Turut serta pada program ini ialah Puan Ruzani binti Sohot, Pengerusi ANULAE Cawangan MPS bersama ahli Jawatankuasa ANULAE MPS.



### ANGGOTA PENGUAT KUASA SAMBUT ULANG TAHUN KE-40

**SAMBUTAN** Hari Penguatkuasa MPS ke-40 dan Perhimpunan Bulanan telah diadakan pada 6 Julai 2022 bertempat di Dataran Menara MPS.

Sambutan ini bertujuan memperingati penubuhan Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS yang telah 40 tahun menyumbang khidmat di MPS sejak tertubuhnya Majlis Daerah Gombak. Selain itu, sambutan ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada semua anggota penguatkuasa MPS yang telah berusaha meningkatkan keazaman, mutu kerja demi kemajuan dan kecemerlangan Pihak Berkuasa Tempatan ini.

Program yang telah dirasmikan oleh Tuan Timbalan Yang Dipertua MPS ini turut dihadiri Ahli-Ahli Majlis dan para pengarah telah menyaksikan aktiviti perbarisan dan penyampaian Anugerah Khas kepada anggota penguatkuasa berdasarkan kepada pencapaian sepanjang tahun 2021.



### MPS ANJUR PROGRAM IBADAH KORBAN SEMPENA AIDILADHA

**KELAB** Sukan dan Kebajikan MPS (KSDK) bersama ANULAE cawangan MPS, Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MPS dan AKRAB MPS telah menganjurkan Program Ibadah Korban pada 13 Julai 2022 bertempat di Pekarangan Bangunan Lama MPS.

Program Ibadah Korban dijalankan secara gotong-royong oleh kakitangan MPS untuk proses melapah dan membungkus. Daging korban telah diedarkan kepada 54 orang kakitangan MPS yang kurang berkemampuan.



### USAHA MURNI ANULAE CAWANGAN MPS DAN PDN ANJUR PROGRAM KEMPEN DERMA DARAH

**KEMPEN** Derma Darah anjuran ANULAE Cawangan MPS dengan kerjasama Pusat Darah Negara telah diadakan pada 5 Julai 2022 bertempat di Lobi Menara MPS.

Seramai 117 orang penderma telah menyertai program ini. Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS turut berkesempatan meluangkan masa meninjau program yang diadakan.

Terima kasih diucapkan kepada semua penderma yang hadir menderma darah bagi membantu memastikan bekalan darah sentiasa berada dalam paras selamat. Semoga usaha murni ini akan dapat diteruskan dari semasa ke semasa bagi membantu para pesakit yang memerlukan.



## 100 KELUARGA TERIMA BANTUAN BAGI PROGRAM SELAYANG PRIHATIN 2.0



**PELEPASAN** Konvoi Program Selayang Prihatin 2.0 bersempena sambutan Hari Raya Aidiladha telah diadakan pada 4 Julai 2022 bertempat di Lobi Menara MPS.

Program ini merupakan kesinambungan daripada Program Selayang Prihatin 1.0 yang telah diadakan pada 2021. Pasukan konvoi MPS telah mengagihkan bekalan makanan kepada 100 keluarga daripada golongan B40 di bawah pentadbiran MPS.

Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS telah menyempurnakan acara pelepasan yang melibatkan 5 buah kenderaan yang membawa bekalan keperluan makanan asas. Turut hadir Tuan Ahmad Zahiri bin Zahid Sofian, Ahli Majlis MPS.

## MAJLIS BACAAN YASIN, TAHLIL DAN DOA SELAMAT SEMPERNA SAMBUTAN ANULAE CAWANGAN MPS YANG KE-7

**BERSEMPENA** sambutan ANULAE cawangan MPS yang ke-7, satu Majlis Bacaan Yasin, Tahليل dan Doa Selamat telah diadakan pada 19 Ogos 2022 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS.

Bacaan yasin diketuai oleh Encik Mohd Faiz bin Omar, Pegawai Tadbir dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS. Turut hadir pada majlis ini ialah Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS serta pengarah-pengarah jabatan.

Sesi penyampaian dermasiswa ANULAE MPS oleh Puan Ruzaini binti Sohot, Pengerusi ANULAE MPS kepada Tuan TYDP MPS mewakili anak beliau yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM 2021 serta penyampaian cenderahati kepada Tuan YDP MPS turut diadakan.



## MAJLIS AMANAT PERDANA PERKHIDMATAN AWAM (MAPPA)

**MAJLIS** Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia pada 30 Ogos 2022 di Pusat Konvensyen Putrajaya, Presint 5.

Pada MAPPA kali ke-18 ini, MPS turut serta dalam perhimpunan ini dengan diwakili oleh pegawai dan kakitangan MPS bagi menyokong aspirasi dan hasrat negara dalam melonjakkan motivasi penjawat awam untuk merealisasikan agenda yang diterapkan kerajaan dalam pentadbiran negara.



## MPS ANJUR KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG SEMPERNA HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA

**PERHIMPUNAN** Bulanan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang semperna sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia peringkat MPS telah diadakan pada 19 Ogos 2022 bertempat di Lobi Menara MPS. Antara pengisian majlis ini adalah penyampaian Sijil Penghargaan kepada Ketua-ketua Komandan MPS yang terlibat dalam misi banjir.

Selain itu, turut diadakan penyerahan sijil Pencapaian Tahap Cemerlang Penilaian EKSA kepada fasilitator EKSA MPS dan piala serta pingat kemenangan kepada pasukan Ping Pong MPS atas kejayaan menjuarai Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) 2022, penyampaian dermasiswa kepada anak-anak kakitangan MPS yang memperoleh kejayaan dalam peperiksaan SPM 2021 dan serahan bendera kepada Ahli Majlis dan wakil kakitangan MPS sebagai simbolik bagi Kempen Kibar Jalur Gemilang.

ANULAE cawangan MPS turut mengadakan acara memotong pulut kuning bagi meraikan ulang tahun yang ke-7 mereka. Majlis diakhiri dengan nyanyian lagu Jalur Gemilang sambil mengibarkan bendera dan sesi fotografi. diadakan sebelum ini.



## PROGRAM LUARAN MPS

### 339 SUKARELAWAN SERTA MISI BANTUAN SUKARELAWAN PEMBERSIHAN PASCA BANJIR MPS KE KERLING

MPS telah menyertai bantuan kerja pembersihan pasca banjir oleh agensi negeri Selangor di Kerling, Hulu Selangor melibatkan seramai 339 orang sukarelawan dari pelbagai agensi.

Sukarelawan telah di bahagikan kepada 4 zon untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di kediaman yang terkesan akibat banjir di Kerling. Sebanyak 83 orang sukarelawan MPS bersama 18 aset jentera telah digerakkan untuk misi ini bagi membantu kerja-kerja pembersihan.



### JELAJAH PLATS BERSAMA RAKAN DIGITAL SELANGOR

PROGRAM Platform Selangor (PLATS) bersama Rakan Digital Selangor dengan kerjasama MPS telah diadakan bersempena Program Jelajah Selangor Penyayang (JSP) Daerah Gombak yang telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Seri Masdiana Muhammad, Isteri kepada Dato' Menteri Besar Selangor pada 31 Julai 2022 bertempat di Padang Awam Batu Caves.

Seramai 20 peniaga di Laman Santai Selebriti telah mendaftar sebagai pengguna PLATS dan menerima Data Internet Selangor dan pelekat Platform Selangor. Inisiatif kerajaan Negeri menyediakan bantuan kepada peniaga untuk mempromosikan perniagaan mereka secara dalam talian serta memberikan langganan internet percuma selama setahun kepada peniaga.



### JURI NILAI PERTANDINGAN 'EDIBLE GARDEN'

SESI penjurian bagi Pertandingan Edible Garden sempena Program Kebun Komuniti MPS 2022 telah diadakan pada 5 hingga 6 Julai 2022 melibatkan 15 buah kebun komuniti di bawah JKP Zon Ahli Majlis MPS. Terdapat 3 kategori yang dipertandingkan iaitu Kebun Komuniti Terbaik, Plot Kebun Komuniti Terbaik Setiap Kebun dan Penyelenggaraan Kebun Komuniti.

Antara barisan juri yang telah dilantik ialah Puan Nur Alina Arni binti Md Morni, wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN); Puan Nazirah binti Mohd Selamat, wakil Jabatan Pertanian Gombak/Petaling; Puan Mahani Amat binti Halimi, Pusat Transformasi Komuniti (UCTC) UPM; Encik Muhammad Mui'zzuddin bin Selamat, wakil Jabatan Perancang Bandar MPS dan Encik Muhammad Faisal Hilmi bin Jamaluddin, wakil Jabatan Landskap MPS.



### PROGRAM SANTAI BERSAMA KETUA SETIAUSAHA NEGARA

WARGA MPS begitu teruja menyertai Program Santai bersama Ketua Setiausaha Negara pada 20 Ogos 2022 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Pada program ini, Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS berkesempatan bersama-sama menyertai aktiviti Fun Ride. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti aerobik, persembahan pentas, permainan tradisional seperti congkak, dam haji, sepak takraw serta aktiviti menaiki belon udara panas.



### KERAJAAN NEGERI SELANGOR GERAKKAN MISI BANTUAN PASCA BANJIR

KERAJAAN Negeri Selangor menerusi Unit Pengurusan Bencana Negeri telah menggerakkan misi Selangor Penyayang: Bantuan Pasca Banjir ke Baling, Kedah. Acara pelepasan konvoi telah diadakan di Dataran SUK, Shah Alam yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Acara pelepasan konvoi Sukarelawan MPS bagi mengikuti misi ini turut diadakan bertempat di Pekarangan Lobi Menara MPS. Konvoi ini disertai oleh 32 orang sukarelawan MPS bersama bantuan 8 buah jentera yang terdiri daripada 4 buah Hilux, 2 buah lori, sebuah lori tangki air dan sebuah lori pancutan air.



## DATO' MENTERI BESAR SELANGOR RASMI SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-65 PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2022



**SAMBUTAN** Hari Kebangsaan ke-65 Peringkat Negeri Selangor Tahun 2022 telah berlangsung di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam pada 30 Ogos 2022. Majlis telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Pelbagai acara telah diadakan seperti perarakan kontinjen, persembahan anggota beruniform dan pertunjukan bunga api serta persembahan pentas oleh artis terkenal. MPS turut menghantar kontinjen perbarisan pada malam sambutan Hari Kebangsaan ini.

Turut hadir Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS bersama ketua-ketua agensi Negeri Selangor.

## SUKARELAWAN MPS SERTA MISI SELANGOR PENYAYANG : BANTUAN PASCA BANJIR

**SATU** sesi taklimat Misi Selangor Penyayang: Bantuan Pasca Banjir di Baling Kedah bersama ketua-ketua sukarelawan telah diadakan bertempat di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Baling. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Mohd Rinizan bin Razali, wakil dari Pejabat Daerah dan Tanah Baling, Kedah. Turut hadir bersama YB Tuan Mohd Khairuddin bin Othman, Exco Generasi Muda, Sukan dan Modal Insan Negeri Selangor.

Sukarelawan MPS yang diketuai oleh Tuan Ahmad Faisal bin Badiuzzaman telah melakukan aktiviti pembersihan di beberapa kawasan kediaman yang terjejas di Seberang Jaya, Kampung Sadek Bukit Legung Kupang, Baling Kedah.



## YDP MPS RASMI KARNIVAL GARDEN 8

**KOMUNITI** Garden 8, Taman Perwira dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) Universiti Putra Malaysia dan Agrobank Berhad telah menganjurkan Karnival Garden 8 pada 11 Jun 2022 bertempat di Garden 8, Taman Perwira Gombak.

Karnival yang julung kali diadakan ini telah dirasmikan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS dan turut dihadiri oleh YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Haji Wan Mahmood Bin Pa' Wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak merangkap Ahli Majlis MPS Zon 2; Prof. Dr. Loh Teck Chwen, Pengarah UCTC UPM; Puan Zurina binti Othman, Ketua Pegawai Pengurusan Kredit Agrobank Berhad dan tetamu kehormat yang lain.

Encik Iqmal Fajri bin Danial, Ketua Komuniti Garden 8 memaklumkan, objektif karnival ini adalah untuk menggalakkan penduduk setempat berkebudan dan mengamalkan kehidupan lestari serta menyemai minat dan ilmu kepada kanak-kanak dan remaja dalam bidang pertanian.

Turut diadakan pada karnival ini ialah aktiviti demonstrasi masakan, ceramah pengurusan pertanian dan jualan hasil tanaman serta makanan.



## 9 KUMPULAN BUSKERS SERTA PERTANDINGAN BATTLE OF BUSKERS

**PERTANDINGAN** Battle of Buskers Lagu Rakyat bersempena Program Jom Rewang Sekampung 2022 Peringkat Daerah Gombak anjuran MPS dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah berlangsung pada 29 Ogos 2022 di Dataran Kompleks Penghulu Mukim Kuang.

Pertandingan yang julung kali diadakan ini menampilkan 9 kumpulan buskers yang berentap bagi meraih hadiah wang tunai dan telah diadili oleh 3 orang juri profesional.



## 10,000 PENGUNJUNG HADIRI MAJLIS RUMAH TERBUKA NEGERI SELANGOR PERINGKAT DAERAH GOMBAK

**MAJLIS** Rumah Terbuka Negeri Selangor peringkat Daerah Gombak telah diadakan pada 16 Mei 2022 bertempat di Tapak Bazar Ramadan Taman Melawati. Majlis ini disambut dengan begitu meriah dan dihadiri lebih 10,000 pengunjung.

Terima kasih YAB. Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato Menteri Besar Selangor yang telah hadir bersama keluarga meraikan program ini. Turut hadir YB. Dato' Haji Haris

bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Exco-Exco Kerajaan Negeri Selangor, YAD Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak, Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak, Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ bersama ketua - ketua jabatan di peringkat Negeri & Daerah Gombak.

Sebanyak 13 gerai juadah jabatan dan agensi telah menyajikan pelbagai juadah istimewa di peringkat Daerah Gombak. Dalam majlis ini juga, YAB Dato' Menteri Besar turut berkesempatan menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir serta melawat gerai-gerai agensi dan menyampaikan hadiah bagi kategori gerai tercantik, gerai terbersih dan pakaian sedondon.



## SESI PENILAIAN KEBANGSAAN BAGI GOMBAK-HULU LANGAT GEOPARK (GHL GEOPARK) PERINGKAT MPS

**SESI** Penilaian Kebangsaan bagi Gombak-Hulu Langat Geopark (GHL Geopark) peringkat MPS telah diadakan pada 17 Ogos 2022, di tiga buah lokasi penilaian iaitu Pekan Batu Arang, Taman Ekstrem Gua Damai dan Batu Caves. Program ini dijalankan selama 4 hari dan melibatkan 13 stesen di Daerah Gombak dan Hulu Langat. Sesi penilaian ini sebagai inisiatif yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor semenjak tahun 2019 dan merupakan langkah permulaan yang

signifikan sebelum ke arah pengiktirafan sebagai UNESCO Global Geopark (UGGp) yang disasarkan pada tahun 2025. Dua panel penilai yang terlibat pada sesi penilaian ini ialah Professor Madya Dr. Kamal Roslan, Felo Penyelidik Pusat Penyelidikan Langkawi dan Encik Ludi bin Apin, Timbalan Pengarah Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah. Turut serta dua pemerhati iaitu Dato' Dr. Mokhtar bin Saidin, Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Geopark Kebangsaan dan Puan

Ain Maisyarah binti Yazrol, Pegawai Tadbir (Geopark) Perbadanan Taman Negeri Perak. Diharapkan dengan pelaksanaan sesi penilaian Gombak-Hulu Langat Geopark ini akan menggandakan jumlah kedatangan pelancong, meningkatkan pendapatan serta resit pelancongan, merancakkan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam sektor pelancongan khususnya.



## SAMBUTAN HARI MALAYSIA BERSAMA JKP ZON 14 MPS DENGAN KERJASAMA KOMUNITI RUKUN TETANGGA (KRT) TAMAN BERSUTU B

**BERSEMPENA** bulan Kemerdekaan dan Sambutan Hari Malaysia, Tuan Sulaiman Abu Samah, Ahli Majlis MPS, bersama JKP Zon 14 MPS dengan kerjasama Komuniti Rukun Tetangga (KRT) Taman Bersutu B telah menganjurkan Program Kibarkan Jalur Gemilang pada 14 Ogos 2022, Ahad bertempat di Dataran Tasik Taman Bersutu B.

Program yang dihadiri kira-kira 200 orang penduduk ini telah dirasmikan oleh YB Tuan

William Leong, Ahli Parlimen Selayang. Turut Hadir pada program ini ialah YB Tuan Chua Wei Kiat, Ahli Dewan Negeri Rawang, Ketua- ketua kampung serta Pengerusi KRT dan JMB kawasan perumahan sekitar JKP Zon 14 MPS. Antara pengisian program ialah penyerahan 30 Jalur Gemilang kepada semua wakil taman dan kampung dalam JKP Zon 14, pertandingan olahraga dan sukaneka serta nyanyian lagu kebangsaan dan Jalur Gemilang.



## MPS SITA PREMIS HIBURAN TANPA LESEN PERNIAGAAN

MPS telah mengadakan Operasi Premis Hiburan Tanpa Lesen Perniagaan pada 22 Julai 2022 diketuai oleh Tuan Paramasivam Chelliah, Penolong Pegawai Penguatkuasa, Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS. Serbuan yang bermula pukul 9.00 malam dan berakhir pada pukul 12.00 tengah malam dengan kekuatan 60 pegawai dan anggota itu dijalankan susulan risikan yang dilakukan sebelum itu. MPS telah mengambil tindakan tegas dengan menyita premis berkenaan disebabkan kelalaian pengusaha untuk memohon lesen walaupun sudah memberi masa dan kelonggaran sebaik-baiknya tanpa tindakan awal.

MPS turut mengeluarkan kompaun berjumlah RM25,000 kepada pengusaha premis bar dan hiburan di bawah Seksyen 6(1) Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Selangor 2001 kerana beroperasi tanpa lesen serta merampas pelbagai peralatan hiburan dan lebih 400 botol minuman keras yang tiada permohonan kebenaran menjual di premis mereka.



## OPERASI BERSEPADU AKTIVITI PEMBUANGAN SISA BAHAN BINAAN DAN PENGOREKAN PASIR TANPA KEBENARAN

**SATU** tindakan sitaan telah dibuat oleh pihak MPS terhadap sebuah lori dan sebuah jentera jengkaut kerana didapati melakukan aktiviti pembuangan sisa bahan binaan dan pengorekan pasir tanpa kebenaran di sebuah tanah rizab simpanan di Jalan Lot Pt. 2868, Jalan Kampung Baru Kundang, Rawang.

Tindakan sitaan ini diambil mengikut peruntukan UUK 4 dan UUK 21 di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil (UUK) Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MPS) 2007.

MPS akan terus membuat pemantauan dan menjalankan operasi bersepadu dari semasa ke semasa dalam menangani isu aktiviti kerja tanah tanpa kebenaran dan sampah haram.



## GAGAL PAMER LESEN PERNIAGAAN - 17 KOMPAUN DIKELUARKAN

MPS telah mengadakan Operasi Bersepadu Selayang Segar pada 29 Jun 2022 bertempat di Jalan Besar, Taman Selayang Segar diketuai oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Jabatan Sisa Pepejal dan Kesihatan, Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Korporat juga turut serta dalam operasi ini.

Sebanyak 63 unit gerai telah dipantau bagi pemantauan lesen perniagaan, kebersihan gerai dan tunggakan sewaan tapak. Hasil operasi tersebut, sebanyak 17 kompaun telah dikeluarkan kerana kegagalan mempamerkan lesen perniagaan.

MPS ingin mengingatkan kepada para peniaga untuk mematuhi arahan dan undang-undang yang ditetapkan atau tindakan tegas akan diambil oleh pihak berkuasa.



## OPERASI KAFE SIBER HARAM

**KERANA** ingin mengelak serbuan, penjaga sebuah kafe siber haram nekad menjadikan bumbung sebagai laluan untuk meloloskan diri. Kejadian berlaku sewaktu anggota Penguatkuasa MPS melakukan serbuan terhadap sebuah kafe siber yang berlokasi di Jalan Kusta, Kawasan Perindustrian SB Jaya, Sungai Buloh pada 19 Julai 2022. Operasi ini disertai oleh 7 orang anggota Penguatkuasa MPS yang diketuai oleh Encik Paramasivam A/L Chelliah, Pegawai Penguatkuasa MPS.

Operasi ini dilakukan berdasarkan kepada aduan orang awam yang mengesyaki kafe siber ini menjalankan perniagaan tanpa lesen selain kegiatan judi haram menerusi permainan video di sebuah bangunan sementara di lokasi tersebut sejak tiga minggu yang lalu. Hasil serbuan, sebanyak 14 unit tablet dan 6 komputer riba telah berjaya dirampas. Tindakan dibuat mengikut UUK 3, Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 2007 atas kesalahan menjalankan operasi secara haram.





## OPERASI BERSEPADU MPS BERSAMA JABATAN IMIGRESEN NEGERI SELANGOR DAN KPDNHEP NEGERI SELANGOR BANTERAS PENIAGA WARGA ASING

MPS bersama Jabatan Imigresen Negeri Selangor dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Selangor telah menjalankan operasi bersepadu bagi membanteras peniaga warga asing pada 20 Julai 2022 di kawasan Matang Pagar dan Jalan Kusta, Sungai Buloh.

Seramai 80 orang anggota telah terlibat dalam operasi ini dan MPS telah mengeluarkan sebanyak 12 kompaun dan

3 sitaan atas kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) 7 Iklan 2007, Seksyen 74, Seksyen 3(1) Establisymen makan (MPS) 2007, UUK 3 Penjaja, Seksyen 3 Tred, UUK 3(1) dan UUK 3 Pusat Siber (MPS) 2007.

MPS juga telah merampas minuman keras dan rokok seludup serta membuat serbuan kali ke dua ke atas pusat siber yang menjalankan aktiviti secara haram. 7 buah premis juga telah diarah tutup atas

kesalahan tidak mematuhi syarat lesen. Dalam operasi yang sama, Jabatan Imigresen juga berjaya menahan 21 orang warga asing dan telah dibawa ke depoh tahanan.

KPDNHEP telah mengambil tindakan menyita 1 unit alat timbang elektronik di bawah kesalahan Akta Timbang Dan Sukat 1972 dan juga tindakan kompaun atas kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011.




## SATU OPERASI MENANGKAP LEMBU DI KAWASAN INDUSTRI RAWANG INTEGRATED, RAWANG

SATU operasi menangkap lembu telah diadakan pada 16 Jun 2022 di kawasan Industri Rawang Integrated, Rawang. Operasi yang diketuai oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS ini turut disertai anggota penguatkuasa dan Polis Diraja Malaysia.

Dalam operasi ini, sebanyak 3 ekor lembu telah berjaya ditangkap. Tindakan ini dibuat atas kesalahan melepaskan haiwan tanpa kawalan dan tiada surat kebenaran dari pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar di bawah Enakmen Mengawal Lembu- Kerbau 1971.

MPS mengingatkan para pemilik haiwan ternakan di sekitar kawasan MPS ini supaya tidak bersikap lepas tangan dengan membiarkan haiwan ternakan peliharaan berkeliaran dan dikhuatiri mengundang bahaya kepada orang ramai.



## OPERASI SITAAN CUKAI TAKSIRAN DI SEKITAR KAWASAN SELAYANG DAN BATU CAVES

MPS telah menjalankan operasi sitaan cukai taksiran di sekitar kawasan Selayang dan Batu Caves pada 11 Ogos 2022 melibatkan 11 akaun perniagaan dengan jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 63,823.00.

Pada operasi ini sebanyak RM 2,200.00 telah berjaya dikutip daripada keseluruhan jumlah tunggakan tersebut beserta sitaan 3 unit barang perniagaan.



SUKAN

## DATO' MENTERI BESAR SELANGOR LANCAR JERSI KHAS BINTANG GOMBAK FC

**SEBAGAI** tanda sokongan kepada pasukan bola sepak Bintang Gombak FC menyertai Kejohanan Garuda International Cup 2 Bawah 17 tahun. Kelab Bintang Gombak FC telah mengadakan majlis pelancaran jersi khas Bintang Gombak FC yang telah berlangsung pada 26 Jun 2022.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir ke majlis ini adalah Ketua Eksekutif Majlis Sukan Negeri Selangor, Pegawai Daerah Gombak, YDP MPS dan barisan penaja kelab.



## PERLAWANAN BOLA SEPAK PERSAHABATAN MPS DAN KDEBWM

**SATU** perlawanan bola sepak persahabatan antara Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah berlangsung pada 8 Ogos 2022 bertempat di Stadium MBPP.

Perlawanan ini turut disaksikan oleh Tuan YDP MPS, Tuan Timbalan YDP MPS, Tuan Haji Ramli bin Mohd Tahir, Pengarah Urusan KDEB, Encik Mohd Idris bin Mohamed Yusof, Pengurus Besar Operasi KDEB, Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah JPSPK MPS dan Encik Muhammad Fauzi bin Ibrahim, Ketua Operasi KDEB Cawangan Selayang.

Aktiviti ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan kerjasama dan hubungan dalam melaksanakan tugas terutama dalam pemantauan kerja kutipan dan pembersihan awam.



## KONVOI JELAJAH BERMOTOSIKAL MBPJ KE MPS

**KETIBAAN** Pasukan Konvoi Jelajah Bermotosikal Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sempena sambutan Hari Bandaraya Petaling Jaya ke-16 telah disambut oleh MPS pada 20 Jun 2022 bertempat di Dataran MPS.

Pasukan konvoi disertai oleh 25 orang kakitangan MBPJ yang diketuai oleh Encik Mohd Shuhairi bin Abdul Karim dan telah disambut oleh Tuan TYDP MPS bersama Pengarah Jabatan Korporat dan Pengarah Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan MPS.

Penyerahan risalah jemputan dan hebahan telah diserahkan beserta penyampaian cenderahati oleh ketua konvoi. Program ini diakhiri dengan acara pelepasan konvoi ke destinasi seterusnya.



## MPS RANGKUL JOHAN KALI KETIGA PADA KEJOHANAN MALA

**TAHNIH** diucapkan kepada pasukan ping pong Majlis Perbandaran Selayang atas kejayaan merangkul tempat pertama bagi pertandingan ping pong pada Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA).

Kejayaan ini adalah merupakan kejayaan kali ketiga menjadi johan dalam kejohanan yang sama. Pada pertandingan akhir ping-pong hari ni menyaksikan MPS berjaya menumpaskan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan keputusan 3-1.

Kejohanan edisi tahun 2022 yang dihoskan oleh Majlis Daerah Pekan di Pekan, Pahang ini telah menyaksikan penyertaan 28 pasukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari seluruh Malaysia.

